

17 OCT 1998

Mahathir-Pengganti

MAHATHIR AKAN TERUS JADI PM BUAT SEMENTARA WAKTU

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 17 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan terus menjadi perdana menteri buat sementara waktu selepas membatalkan rancangan awalnya untuk bersara akhir tahun ini.

Perdana Menteri berkata beliau tidak pasti berapa lama beliau akan terus memegang jawatan itu tetapi beliau perlu memberi masa kepada penggantinya untuk menjalankan tugasnya sebelum beliau membuat keputusan untuk bersara.

Dr Mahathir yang berusia 73 tahun berkata walaupun pada mulanya beliau merancang untuk bersara selepas forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Kuala Lumpur bulan depan dan beliau terpaksa menangguhkannya kerana krisis ekonomi, perkembangan selepas pelucutan jawatan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaksa beliau untuk meneruskan jawatannya itu untuk sementara waktu.

Anwar telah menjadi bakal pengganti yang dipilih sendiri oleh Dr Mahathir sebelum dipecat bulan lepas kerana masalah moral dan Perdana Menteri telah berkata bahawa beliau tidak akan melantik seorang timbalan sehingga selepas pemilihan Umno tahun depan.

Dr Mahathir, yang telah menjadi Perdana Menteri selama 17 tahun, juga berkata bahawa Umno akan mengadakan perhimpunan agung dan pemilihannya sama ada pada bulan Jun atau Julai tahun depan yang mana ia akan memilih timbalan presiden yang baru untuk menggantikan Anwar. Selalunya timbalan presiden Umno menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Saya perlu memberi masa kepada bakal pengganti saya untuk menjalankan tugasnya sebelum saya bersara. Saya tidak tahu berapa lama," katanya.

Katanya sekiranya ekonomi Malaysia pulih dan terdapat kestabilan di negara, beliau tidak ada masalah untuk bersara.

"Saya sudahpun berusia 73 tahun dan tahun depan saya menjadi 74 (tahun), oleh itu masanya sudah tiba untuk bersara tetapi berapa lama lagi saya akan bersara saya tidak dapat katakan sebenarnya.

"Saya perlu memerhatikan bakal pengganti saya, anda tahu pengganti saya kadang-kadang bertukar fikiran atau berkelakuan tidak senonoh. Sudah tentu hanya kerana hasrat saya sendiri untuk bersara saya tidak boleh membuat satu keputusan yang tidak baik untuk negara tetapi saya benar-benar berhasrat untuk bersara," kata Dr Mahathir yang tiga di antara timbalannya melepaskan jawatan mereka oleh sebab-sebab yang berlainan.

Apabila seorang daripada editor yang menemubual beliau berkata bahawa beliau nampak seperti berusia 63 tahun, perdana menteri berkata: "Nampak saja macam 63 tahun tetapi sebenarnya saya berusia 73 tahun."

-- BERNAMA

AU WAT